



Tarikh : 23 April 2021

Kepada Pihak Berkuasa Yang Berkenaan,

SURAT KEBENARAN UNTUK BEROPERASI DAN RENTAS DAERAH/NEGERI SEMASA TEMPOH KAWALAN PERGERAKAN PKP, PKPB DAN PKPP

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengumumkan sektor pengangkutan darat boleh beroperasi sepenuhnya dan mengikut jumlah kapasiti tempat duduk kenderaan.

3. Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin mengesahkan bahawa kenderaan perkhidmatan awam khususnya teksi dan *e-hailing* adalah antara mod pengangkutan awam darat yang dibenarkan merentas daerah/negeri semasa tempoh kawalan pergerakan PKP, PKPB dan PKPP pada masa ini bagi tujuan operasi mengambil dan menghantar penumpang ke destinasi yang diminta tertakluk kepada pematuhan SOP seperti pemakaian pelitup muka, penyediaan QR Code (My Sejahtera), sanitasi kenderaan dan apa-apa jua SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM dari semasa ke semasa.

4. Namun demikian, surat pengesahan kebenaran merentas negeri ini adalah terbatal sekiranya terdapat apa-apa arahan/SOP terkini yang tidak membenarkan pergerakan merentas daerah/negeri dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(AZLAN SHAH AL BAKRI)

Ketua Pengarah

Agensi Pengangkutan Awam Darat

Kementerian Pengangkutan Malaysia